



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Report Webinar
Falsafah dan Isu Semasa
(UHS1022-73)

Nama: Lee Cai Xuan

Nombor Matrik: A20EC0062

K/P: 010503-08-1746

No.telefon: 017-5893741

Tarikh: 14/1/2021

Webinar Wacana Dekolonisasi Intelektual telah diadakan pada 9 Januari 2020 dari pukul 10 pagi hingga pukul 12 tengah hari. Melalui webinar tersebut, tajuk tentang dekolonisasi intelektual telah disampaikan oleh dua panel, iaitu Prof. Dr. Kamaruzaman bin Yusoff dan Dr. Nasruddin bin Yunus. Semua pelajar yang mengambil kursus Falsafah dan Isu Semasa (UHS1022) diwajibkan untuk mengikut webinar ini melalui Facebook.

Pada permulaan webinar ini, Prof. Dr. Kamaruzaman bin Yusoff menjelaskan kepentingan memahami istilah kolonialisme dan dekolonisasi. Kolonialisme bermaksud penjajahan atau suatu sistem yang menguasai rakyat dan sumber daya negara lain tetapi masih tetap berhubungan dengan negara asal. Negara kolonialisme pertama ialah Spanyol and Portugal. Contoh kolonisasi dari perspektif etika ialah penjajahan Columbus ke benua Amerika dianggap sebagai 'white men's burden to civilize the uncivilized people'. Manakala, dekolonisasi pula bermaksud pemansuhan kolonialisme. Prof. Dr. Kamaruzaman menjelaskan bahawa dekolonisasi berlaku selepas peperangan dunia pertama dan pemansuhan kolonialisme boleh dilakukan melalui rundingan atau peperangan.

Pada hari ini, isu dekolonisasi intelektual semakin mencabar. Melalui webinar ini, panel kedua, iaitu Dr. Nasruddin bin Yunus membentangkan tajuk tentang cabaran dekolonisasi dari pelbagai sudut. Pertama, cabaran yang terbesar pada hari ini adalah dari sudut nilai. Terdapat banyak rakyat Malaysia tidak mempercayai agama dan tidak mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan harian mereka. Ini menyebabkan mereka hanya berfokus kepada kuasa mereka sendiri dan mudah dipengaruhi oleh pengaruh luar. Selain itu, terdapat juga cabaran dari sudut pengetahuan. Dr. Nasruddin menasihati kita supaya sentiasa memberi tumpuan dan mempelajari ilmu pengetahuan tentang seni, budaya dan identiti negara kita. Dengan ini, generasi akan datang dapat dikemukakan keunikan dan kebudayaan negara kita dan tidak mudah dipengaruhi oleh pengaruh barat.

Di samping itu, pengaruh media sosial juga dibincang dalam webinar tersebut. Generasi muda pada hari ini banyak terdedah kepada budaya barat. Hal ini demikian kerana media sosial telah menjadi salah satu medium yang besar untuk menyampaikan maklumat. Ini merupakan isu yang perlu diberi perhatian di negara

kita. Pengaruh media sosial akan menyebabkan budaya yang tidak baik seperti hedonisme yang dilakukan untuk mendapatkan hiburan dan keseronokan yang melampau.

Seterusnya, kedua-dua panel juga menekankan kepentingan untuk memperkukuhkan jati diri kita. Kita mestilah sentiasa memberi tumpuan kepada dasar-dasar dan strategi negara kita. Dengan ini, kita dapat bekerjasama untuk membentuk negara terarah ke acuan kita. Prof. Dr. Kamaruzaman juga mengatakan bahawa pendidikan Rukun Negara amat penting dan perlu diajar kepada pelajar dari sekolah rendah. Hal ini disebabkan pendidikan Rukun Negara dapat membantu kita memperkukuhkan jati diri kita. Dengan ini, kita akan berfikir secara rasional dengan membezakan perkara yang betul dan salah. Ini dapat membantu kita dalam pembangunan pemikiran untuk menekankan bidang kemanusiaan dan kearifan tempatan. Dengan pemikiran yang jelas dan jati diri yang kukuh, kita dapat membangunkan falsafah sendiri untuk menangani masalah sejagat atau masalah bersifat tempatan.

Melalui webinar ini, terdapat banyak nilai dan pengajaran perlu kita ingatkan dan amalkan dalam kehidupan kita demi keamanan dan kemajuan Malaysia. Sebagai warga Malaysia, kita haruslah sentiasa berasa bangga dan memberi sumbangan kepada negara kita. Kita perlu mengamalkan nilai toleransi dan hormat-menghormati supaya perpaduan negara menjadi lebih kuat. Selain itu, kita perlu sentiasa merendahkan diri untuk belajar. Ajaran agama dan ilmu falsafah haruslah dipelajari, difahami dan diamalkan demi kebaikan diri sendiri dan negara kita. Akhir sekali, kita amat bersyukur kerana dapat mengikut webinar ini untuk menambah ilmu pengetahuan tentang kolonisasi dan dekolonisasi.